

Penerapan Nilai-Nilai Wasatiyyah dalam Tadbir Urus Syariah bagi Sistem Perbankan Islam di Malaysia

Application of the Wasatiyyah Values in the Syariah Governance of the Islamic Banking System in Malaysia

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom¹

Fakulti Undang-Undang, UKM

Konsep dan nilai-nilai wasatiyyah merupakan asas dalam amalan perbankan Islam. Ini kerana Islam telah menggariskan beberapa prinsip asas muamalat yang menjadi garis panduan dan tunjang dalam aktiviti dan operasi perbankan supaya segala bentuk sifat ekstrem dapat dihindari. Prinsip-prinsip tersebut antaranya pengharaman apa-apa jua perkara yang melampau batas iaitu unsur perjudian, ketidakpastian (*gharar*), riba, penipuan, kezaliman dan sebagainya. Sifat ekstrem ini wajib dijauhi dalam kehidupan kerana ianya telah diharamkan secara jelas (*qat'ie*) oleh Allah SWT kerana ianya bersifat menindas, terutamanya terhadap golongan yang fakir, miskin atau berpendapatan rendah. Pengharaman ini turut disertakan dengan ancaman azab yang terlalu berat di akhirat. Sistem perbankan Islam amat menjunjung konsep wasatiyyah melalui nilai keadilan amanah, ketelusan, dan akauntabiliti yang diterapkan melalui sistem tadbir urus syariah.

Kata Kunci: Nilai Wasatiyyah; Tadbir Urus Shariah; Sistem Perbankan Islam

The concept and values of wasatiyyah are fundamental in Islamic banking practice. This is because Islam has delineated basic muamalat principles as a guideline for the banking activity and operation so that all kind of extreme characteristics may be prevented. The principles of wasatiyyah prohibit any element which overlooks the permitted limit namely gambling, uncertainty (*gharar*), usury, fraud and so on. These elements have to be avoided in life because they were clearly prohibited by Allah SWT due to their oppressive nature especially towards the unfortunate such as the poor or low-income group. This prohibition is also attached with the heavy intimidation in the hereafter. The Islamic banking system upholds the concept of wasatiyyah through the values of fairness, trust, transparency and accountability which are instilled through the syariah governance system.

Keyword: Wasatiyyah Values; Syariah Governance; Islamic Banking System

¹ Corresponding Author: ruzian@ukm.edu.my

PENDAHULUAN

Wasatiyyah merupakan satu aspek kesederhanaan yang dititikberatkan oleh agama Islam sama ada melalui al Quran ataupun al Sunnah. Bahkan kewujudan Piagam Madinah yang menjadi tauladan dan contoh sebagai perlembagaan pertama amat menjunjung konsep wasatiyyah ini (Azyati Azhani 2013). Banyak peruntukan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menekankan konsep bagi menolak semua bentuk sikap yang melampau dalam kehidupan bermasyarakat seperti amalan penindasan, kezaliman dan penipuan. Tegahan sifat ekstremisme dan menjunjung prinsip wasatiyyah ini wajar diaplikasikan dalam semua aspek kehidupan termasuk kewangan dan perbankan, politik, pendidikan, ekonomi mahupun sosio budaya (Abdullah 2014).

Artikel ini membincangkan konsep wasatiyyah yang wujud di dalam sistem perbankan Islam. Konsep yang menitikberatkan nilai kesederhanaan dan menolak ekstremisme ini dilihat sebagai elemen utama yang membezakan sistem perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Justeru itu, konsep wasatiyyah ini telah memberi nilai tambah kepada sistem perbankan Islam kerana berupaya memberi keyakinan kepada orang ramai khususnya umat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini berbentuk analisis diskriptif yang melibatkan pengambilan data melalui kaedah kepustakaan. Kaedah ini dipilih memandangkan ianya merupakan pendekatan terbaik bagi mendapatkan sorotan ke atas teks-teks literatur seperti buku, makalah, artikel dan jurnal termasuk peruntukan akta-akta Parlimen. Bahan-bahan ilmiah ini diteliti bagi membentuk konsep dan skop analisis. Rujukan juga dibuat dengan melayari laman sesawang Bank Negara Malaysia dan beberapa laman sesawang yang lain.

EPISTEMOLOGI WASATIYYAH: DEFINISI DAN KONSEP

Terminologi wasatiyyah merupakan suatu perkataan daripada Bahasa Arab yang berasal kata akar *al-wastu-wasata-yuwasitu-wasatiyyah* iaitu pertengahan (Madina 1973: 748). *Kamus Dewan* (2005: 1652) menjelaskan makna pertengahan ini sebagai sedang, sama banyak, rata-rata dan sederhana. Perkataan wasatiyyah yang telah digunapakai secara meluas ini juga seerti dengan perkataan *iktidal*, *tasamuh*, *mutawassit* dan *tawaazun* (Abdul Rauf 2005: 416). Dari aspek definisi secara istilah pula, wasatiyyah bermaksud 'pilihan yang terbaik' (al-Salabi 2005: 20) dan tidak melampau atau berlebih-lebihan (Omar Hashem t.th.). Ini termasuk menghindari perilaku atau ungkapan yang ekstrem dan cenderung untuk mengambil jalan sederhana serta mempertimbangkan segala pandangan yang ada (Muslim 2011: 2). M. Quraish Shihab pula menyatakan bahawa wasatiyyah bermakna sesuatu yang memiliki nilai-nilai yang murni dan baik, adil serta terletak pada dua jenis ekstrem (Shihab 1996). Kedua-dua jenis ekstrem; juga disebut sebagai *ghuluw* dan *tatarruf* (Wan Kamal 2015), iaitu merujuk kepada sikap, prinsip dan pandangan yang terlampau keras ataupun terlalu longgar (Muhammad Haniff 2003). *Tafsir al-Manar* menambah aspek cemerlang dalam definisi wasatiyyah. Kecemerlangan adalah pertengahan di antara dua ekstrem; iaitu melebihi daripada apa yang sepatutnya (*ifrat*) mahupun pengurangan atau kecuaihan daripada apa yang sewajarnya (*tafrif*) (Abdullah 2009). Tafsiran ini di sokong oleh Mahmud Syaltut yang menyebutkan bahawa (Abdullah Basmeih 2001);

Islam adalah jalan yang lurus, syariatnya kekal dan sesuai setiap masa dan tempat. Keadaan manusia sebelum kedatangan Islam terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan pertama rigid dan ekstrem (*ifrat*) dan golongan kedua pula cuai dan terlalu

longgar (tafrit). Setelah kedatangan Islam, lalu ianya menggariskan manhaj pertengahan (wasatiyyah) dalam semua urusan hidup manusia.

Di dalam ayat 143 Surah al-Baqarah, Allah SWT telah menyebut perkataan *wasata* melalui firman-Nya yang bermaksud, “*Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu (umat Islam) sebagai ummat pertengahan (ummatan wasata)*”. Imam al-Razi telah mentafsirkan perkataan *wasata* dalam ayat ini sebagai keadilan iaitu seimbang dan sama rata dalam segala hal (al-Razi 1935: 108-109). al-Qaradawi telah memperincikan definisi wasatiyyah dengan menambah bahawa parameter jalan tengah yang tidak melampaui batas itu diukur dengan pematuhan kepada sumber perundangan syariah; iaitu al-Quran dan al-Sunnah (al-Qaradawi 1997: 10).

Oleh yang demikian, definisi operasional bagi konsep wasatiyyah dalam makalah ini merujuk kepada satu prinsip dan sifat kesederhanaan dan keseimbangan yang menolak sebarang bentuk amalan ekstremisme yang diukur melalui penerapan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu al Quran dan al Sunnah. Antara nilai-nilai yang didapati melalui penilaian terhadap aspek konsep dan definisi wasatiyyah ialah, namun tidak terhad kepada; keadilan, amanah, ketelusan, dan akauntabiliti (Abdullah 2014).

NILAI-NILAI WASATIYYAH SEBAGAI ASAS DALAM TADBIR URUS SYARIAH BAGI SISTEM PERBANKAN ISLAM

Dalam perspektif sistem perbankan Islam, nilai-nilai wasatiyyah dari kaca mata Islam ialah dengan meletakkan dasar dan juga asasnya kepada al-Quran dan al-Sunnah, dengan mematuhi segala prinsip-prinsip muamalat dan tidak melampaui batasan dengan melanggar apa yang ditegah atau diharamkan. Firman Allah SWT dalam ayat 29 surah al-Nisa' yang bermaksud, “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang di lakukan secara suka sama suka di antara kamu*”.

Prinsip kewangan Islam amat menitikberatkan kekukuhan struktur tadbir urus korporat, ketelusan, penzahiran maklumat dan pematuhan yang tegas terhadap prinsip-prinsip syariah (Bank Negara Malaysia 2012). Oleh yang demikian, daripada prinsip-prinsip asas ini, maka lahirlah produk-produk perbankan yang seiring dengan ketetapan syariah seperti *Wadi'ah Yad al-Dhamanah, Mudharabah, Musharakah, Bai' Bithaman Ajil, Ijarah, Murabahah, al Qardhu Hasan, al-Kafalah, Hiwalah* dan sebagainya. Bagi memastikan keberkesanan pengawasan untuk menjurus kepada persekitaran yang sentiasa patuh kepada kehendak hukum syarak, rangka kerja tadbir urus syariah diwujudkan ialah suatu pengaturan organisasi bagi operasi sesebuah institusi perbankan Islam (Bank Negara Malaysia 2012).

Pematuhan kepada prinsip Islam secara menyeluruh akan memperkasakan keyakinan masyarakat dan pelabur-pelabur terhadap kredibiliti operasi kewangan Islam (Iqbal 2002). Satu kajian terperinci telah dijalankan oleh Chapra dan Ahmad berhubung perkara tersebut (Chapra 2002) Tinjauan dilakukan ke atas 463 orang pelanggan bank-bank Islam (sebagai responden) dari 14 buah institusi perbankan Islam di Bahrain, Bangladesh dan Sudan. Kajian tersebut telah membawa kepada suatu penemuan bahawa sejumlah 288 orang iaitu 62% responden memberikan respon bahawa akan memindahkan dananya ke bank Islam yang lain yang lain jika sama ada diyakini ataupun dikhuatiri berlakunya pelanggaran terhadap hukum syarak dalam operasi bank Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek pematuhan terhadap prinsip syariah perlu

menjadi fokus yang utama dan diberi penekanan secara berterusan kepada institusi perbankan Islam kerana ia mempengaruhi pilihan pelanggan dalam memilih bank Islam yang memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Pematuhan menyeluruh terhadap prinsip syariah akan memperkukuh keyakinan masyarakat dan pasaran kewangan terhadap kredibiliti operasi perbankan Islam.

Justeru itu, Seksyen 30 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Bahagian VII Akta Bank Negara Malaysia 2009 telah memperuntukkan kewajipan bagi setiap institusi kewangan yang menjalankan sistem kewangan Islam, untuk menubuhkan suatu jawatankuasa syariah. Di Malaysia, struktur tadbir urus Syariah dua peringkat telah diperkenalkan. Ianya terdiri daripada Majlis Penasihat Syariah di peringkat Bank Negara dan Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di setiap institusi perbankan Islam.

Terminologi tadbir urus syariah merupakan istilah moden yang tidak ditemui dalam mana-mana risalah fekah klasik. Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (dirujuk sebagai AAIOFI)² tidak mengemukakan definisi khas bagi istilah ini dalam penerbitan *Governance Standard No 1-5 (AAIOFI 2005)*. Sementara itu, melalui *Guiding Principles on Syariah Governance System in Institutions Offering Islamic Financial Services (IFSB 2010)*, Islamic Financial Services Board (dirujuk sebagai IFSB)³ telah mengemukakan takrifan kepada istilah tadbir urus syariah, iaitu, “*Satu set susunan institusi dan organisasi di mana institusi-institusi kewangan Islam memastikan penyeliaan, dan pengawalan yang bebas dan berkesan berhubung pematuhan syariah dalam mana-mana pengumuman, sebaran maklumat dan laporan semakan pematuhan syariah dalaman*”.

Di Malaysia, akta regulatori bagi industri perbankan Islam iaitu Akta Bank Negara Malaysia 2009 (dirujuk sebagai ABNM 2009) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (dirujuk sebagai APKI 2013) tidak menjelaskan makna tadbir urus syariah ini. Bahkan *Syariah Governance Framework* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia tidak mengemukakan sebarang takrifan mengenainya. Namun begitu, dalam Penggal 2 mengenai Tadbir Urus Syariah, APKI 2013 memperlihatkan hubungan saling kait antara aspek tadbir urus syariah dengan aspek pematuhan syariah. Seksyen 28(2) jelas memberi maksud pematuhan terhadap resolusi dan keputusan yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah sahaja dianggap mematuhi syariah. Seksyen 30 hingga seksyen 36 akta ini telah memperuntukkan peraturan mengenai proses tadbir urus syariah bagi memastikan aspek pematuhan syariah tercapai, iaitu; kewajipan penubuhan jawatankuasa syariah di peringkat institusi perbankan Islam, pelantikan dan tanggungjawab anggota jawatankuasa syariah, maklumat untuk diberikan kepada jawatankuasa syariah, dan perlindungan bersyarat serta kewajipan kerahsiaan.

² Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAIOFI) ditubuhkan pada tahun 1991 dan berpusat di Bahrain. Ia merupakan satu organisasi antarabangsa yang berperanan dalam pembangunan dan penerbitan piawaian untuk industri kewangan Islam global. Sehingga kini, AAIOFI telah berjaya mengeluarkan 94 piawaian dalam bidang syariah, perakaunan, audit, etika dan pentadbiran. Walaupun tidak mempunyai kuasa mengikat (binding power), namun piawaian-piawaiannya diterima oleh bank-bank pesat di kebanyakan negara samada sebagai satu asas mandatori atau rujukan garis panduan.

³ Islamic Financial Services Board (IFSB) ditubuhkan secara rasmi pada 3 November 2002 dan memulakan operasi pada 10 Mac 2003 berpangkalan di Kuala Lumpur. IFSB merupakan satu badan penetapan piawaian antarabangsa yang konsisten dengan prinsip-prinsip syariah bagi pengawalseliaan dan regulatori bagi memastikan kelestarian dan kestabilan perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful dan pasaran modal. Di sisi perundangan, piawaian yang disediakan IFSB tidak mempunyai kuasa mengikat (binding power), sehubungan itu, ianya bertindak sebagai satu cadangan untuk dilaksanakan.

Pemerhatian kepada definisi yang diberikan oleh IFSB serta analisis kandungan APKI 2013 dan *Syariah Governance Framework* Bank Negara Malaysia membawa kefahaman yang jelas bahawa sistem tadbir urus syariah adalah suatu mekanisme yang penting bagi memastikan kelestarian prinsip-prinsip muamalat untuk diterapkan dan dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam. Pelaksanaan amalan tadbir urus syariah ini mementingkan nilai-nilai wasatiyyah seperti ketelusan, keadilan, akauntibiliti dan kebebasan. Penerapan nilai-nilai ini dalam tadbir urus institusi memberi impak kepercayaan masyarakat khususnya para pelanggan perbankan Islam dan pemegang-pemegang saham terhadap industri perbankan Islam (Sekreter 2013). Amalan ini telah ditekankan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia yang ketujuh, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz (2000-2016),⁴

Ciri utama sistem kewangan Islam terletak pada nilai etika yang tinggi yang menyokong tadbir urus dan operasi perniagaan kewangan Islam. Dengan perkembangan industri tersebut yang sangat pesat dan dengan persekitaran yang menjadi semakin kompleks dan lebih mencabar, merealisasikan sistem kewangan yang mantap dan berdaya tahan memerlukan wujudnya satu struktur tadbir urus yang kukuh bagi institusi kewangan Islam.

Pada 1 Mei 2016, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menggariskan prinsip-prinsip asas bagi tadbir urus korporat yang baik iaitu; keadilan, amanah, akauntibiliti dan ketelusan (Bank Negara Malaysia 2016). Nilai-nilai tersebut merupakan nilai-nilai wasatiyyah yang bersifat universal dan boleh diterapkan sebagai nilai-nilai asas sistem tadbir urus syariah kerana Islam menyokong sepenuhnya kesemua bentuk tadbir urus yang positif dan konsisten dengan amalan kesederhanaan dalam menjunjung prinsip-prinsip Islam.

Keadilan

Keadilan adalah nilai wasatiyyah yang bersifat universal. Perkataan 'adil' berasal daripada bahasa Arab yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) telah mendefinisikan perkataan adil sebagai 'berpihak kepada yang benar dan yang hak atau berpegang kepada kebenaran. Perkataan adil berasal dari bahasa Arab iaitu *al-'adl*. *al-'adl* diertikan sebagai perkara yang di tengah-tengah, tidak berat sebelah, tidak memihak (al-Munawwir 1997). Menurut Ahmad Azhar Basyir, keadilan adalah meletakkan sesuatu pada tempat yang hak baginya atau memberikan kepada seseorang sesuatu yang menjadi haknya (Basyir 2000). Hailani Muji Tahir pula menjelaskan bahawa sifat adil merupakan nilai wasatiyyah kerana ianya bermaksud tepat dalam pertimbangan dan berlawanan dengan kezaliman (Hailani 1974). Di dalam al-Quran, perkataan *al-qist* juga merujuk kepada makna yang sama selain daripada perkataan 'adl. Istilah *al-'adl* disebut sebanyak 35 kali manakala *al-qist* diulang sebanyak 24 kali di dalam al-Quran (al-Baqi 1981). Firman Allah dalam ayat 135 surah al-Nisa' yang bermaksud, "*wahai orang-orang yang beriman. Jadilah kamu orang-orang yang menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri atau terhadap ibu bapa dan kaum kerabat*".

Keadilan merupakan nilai wasatiyyah yang utama kerana berlawanan dengan sifat ini adalah sifat yang melampaui batasan iaitu kezaliman, dan penindasan. Keadilan sosial yang ditegakkan oleh Islam adalah perlakuan adil secara sama rata tanpa dibezakan mengikut gender, darjat, bangsa mahupun agama (Juhaya 1995). Salah satu sumbangan terbesar Islam kepada umat manusia adalah prinsip keadilan sosial dan pelaksanaannya dalam setiap aspek kehidupan manusia. Islam memberikan suatu aturan yang dapat

⁴ Ucapan tan Sri Zeti Akhtar Aziz. 2005. *Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Yang Kedua, Doha, 24 Mei 2005.*

dilaksanakan oleh semua orang. Setiap anggota masyarakat didorong untuk memperbaiki kehidupan material sistem kemasyarakatan secara saksama (Afzalur 1995). Setiap individu diberikan peluang dan kesempatan dalam mengembangkan potensi hidupnya. Pada perspektif fiqh, keadilan merujuk kepada kesaksamaan, perseimbangan dan meletakkan sesuatu pada tempatnya (Daud 1991). Keadilan sosial dan ekonomi dalam penggunaan dan pengagihan harta diterapkan ke dalam sistem perbankan Islam (Engku 2013). Ia juga merupakan fundamental yang membezakan antara sistem perbankan Islam dan konvensional.

Sistem perbankan konvensional adalah suatu sistem perbankan berdasarkan fasiliti perkhidmatan pinjaman kewangan yang ditawarkan kepada para pelanggan bank (Amsyar 2013). Pihak bank memperolehi keuntungan melalui faedah yang dikenakan ke atas pinjaman tersebut. Namun begitu, Allah telah mengharamkan segala transaksi berasaskan faedah atau riba yang bersifat ekstrem iaitu zalim dan menindas. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki-baki riba sekiranya kamu benar-benar beriman. Sekiranya kamu tidak meninggalkannya, isytiharkanlah perang dengan Allah dan Rasul-nya. dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa (al-Baqarah 278-279).

Amalan riba yang menjadi intipati utama sistem perbankan konvensional telah menjadikan nilai wasatiyyah iaitu keadilan tidak dapat diserlahkan. Amalan faedah atau riba di bank-bank konvensional dilihat sebagai zalim kerana ianya merupakan penindasan berbentuk kapitalis yang mencengkam khususnya bagi golongan yang kurang mahupun yang tidak berkemampuan. Selain itu, kadar faedah yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional adalah bergantung juga kepada Kadar Pinjaman Asas (*Base Lending Rate*) (dirujuk sebagai BLR) yang boleh berubah-ubah mengikut keadaan ekonomi negara serta kesan daripada iklim ekonomi dunia. Sebagai contoh, sewaktu krisis ekonomi yang melanda Malaysia pada tahun 1997, kadar peratusan BLR telah melonjak naik lalu mengakibatkan para pelanggan bank konvensional menderita kerana terpaksa membayar fasiliti pinjaman dengan kadar faedah yang begitu tinggi. Sistem perbankan yang berasaskan riba telah mengeksploitasi sistem ekonomi, mengakibatkan terjadinya ketidakseimbangan sumber dan pengagihan kekayaan serta kekuasaan ditumpukan secara tidak menyeluruh. Justeru itu, ketidakadilan ini boleh mengakibatkan ketidakstabilan sistem ekonomi.

Setiap umat Islam wajib mengamalkan ajaran Islam secara keseluruhan dalam segenap aspek kehidupan. Prinsip-prinsip syariah Islamiyyah boleh dilaksanakan merentasi segala bidang termasuk politik, sosial dan tidak ketinggalan juga, dalam bidang ekonomi. Justeru itu, sistem perbankan Islam mula dilaksanakan di Malaysia pada tahun 1983 apabila Bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan di bawah Akta Bank Islam 1983. Ini bagi memenuhi kepada keperluan umat Islam khususnya di negara ini yang sememangnya memerlukan fasiliti pembiayaan harta seperti kenderaan dan perumahan yang mematuhi syariah tanpa riba yang menindas. Rangka kerja tadbir urus syariah sistem perbankan Islam di Malaysia telah mengambil kira pelbagai peranan yang dimainkan oleh institusi perbankan Islam dalam memberi layanan yang adil kepada semua pihak berkepentingan yang berkenaan, termasuk pemegang saham minoriti dan pemegang akaun pelaburan (Zeti Akhtar 2005). Melalui prinsip keadilan, setiap entiti termasuk lembaga-lembaga syariah (sama ada Jawatankuasa Syariah di bank-bank ataupun Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara) wajar diletakkan pada tempatnya yang

sesuai bagi mengoptimalkan peranan yang harus dimainkan. Kegagalan berlaku adil akan menjejaskan prestasi sesebuah institusi perbankan.

Amanah

Perkataan amanah bermaksud dipercayai dan jujur (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005). Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, "*Tidak sempurna iman barangsiapa yang tidak amanah*" (Hadith Riwayat Ahmad).

Amanah adalah merupakan nilai wasatiyyah yang terpuji. Ianya mesti wujud dalam diri setiap manusia pada dasarnya dan ia mesti diamalkan pada setiap tempat dan ketika. Berlawanan bagi sifat amanah adalah khianat ataupun korupsi. Nilai amanah boleh dilihat diterapkan ke dalam sistem tadbir urus syariah bagi perbankan Islam melalui pendekatan kebebasan dalam instrumen pemantauan operasi di institusi-institusi perbankan Islam. Tanpa elemen kebebasan, tentunya mengekang dan menyekat nilai amanah bahkan mengundang sifat khianat kerana berkemungkinan sesuatu sesuatu tindakan atau keputusan diambil berdasarkan pengaruh pihak lain yang berkepentingan.

Melalui definisi tadbir urus syariah yang diutarakan, Islamic Financial Service Board (IFSB) memberikan penekanan dan fokus terhadap kepentingan unsur kebebasan dalam instrumen pemantauan. Sistem pemantauan yang berkesan merujuk kepada satu set aturan organisasi dan institusi bagi memberikan jaminan kebebasan pengawasan dan pemantauan yang efektif dalam memastikan pematuhan syariah terhadap sistem perbankan Islam.

Dalam melaksanakan tugas masing-masing, setiap ahli lembaga syariah; sama ada Jawatankuasa Syariah atau Majlis Penasihat Syariah perlu sentiasa mempunyai tahap moral dan intelek yang tinggi serta yang paling utama, kebebasan profesional. Prinsip kebebasan ini wajib terlaksana dalam semua kondisi dan situasi tidak terikat kepada mana-mana pihak atau kejadian. Kebebasan profesional yang dimaksudkan adalah, suatu kemampuan untuk membuat satu keputusan yang wajar tentang sesuatu perkara setelah dilakukan pertimbangan selayaknya dengan mengambil kira semua aspek termasuk maklumat-maklumat dan pandangan-pandangan yang relevan, tanpa dipengaruhi atau campur tangan daripada pihak pentadbir mahupun sesiapaapun (Islamic Financial Services Board 2009).

Akauntabiliti

Akauntabiliti adalah sifat tanggungjawab terhadap sesuatu tindakan atau keputusan yang dikeluarkan beserta kesediaan untuk memberikan penjelasan dan justifikasi (Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2008). Rangka kerja tadbir urus syariah harus menetapkan fungsi setiap komponen dan struktur bagi memastikan akauntabiliti setiap bidang kuasa dengan pembahagian kuasa yang sesuai untuk mengelakkan kemungkinan wujudnya konflik kepentingan. Nilai akauntabiliti berkait rapat dengan nilai integriti (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2007). Integriti termasuk kejujuran adalah intipati rangka kerja tadbir urus bagi urus niaga kewangan Islam yang banyak bergantung pada hubungan kepercayaan. Kepentingan nilai teras ini jelas disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah SWT dalam ayat 27 surah al-Anfal yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).*"

Selain daripada itu, Nabi Muhammad bersabda yang bermaksud,

Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya maka dia adalah seorang munafik yang tulen. Sesiapa yang melakukan satu daripada empat perkara itu, maka dia memiliki salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya. (Sifat-sifat tersebut ialah) apabila dipercayai dia khianat, apabila bercerita dia dusta, apabila berjanji dia mungkir dan apabila bertengkar dia mengetepikan kebenaran. (Riwayat al-Bukhari)

Institusi perbankan sebagai pengguna dana orang ramai harus bertindak secara jujur dan berakuntabiliti untuk manfaat semua pihak berkepentingan. Aplikasi nilai akauntabiliti dalam perbankan Islam semasa dapat dilihat melalui justifikasi iaitu, Majlis Penasihat Syariah bukan sahaja mengemukakan sesuatu resolusi bagi suatu isu syariah yang dikemukakan kepadanya bahkan aspek penghujahan, pendalilan dan kaedah yang terpakai juga terkandung dalam resolusi syariah yang dikeluarkan. Setiap resolusi syariah yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah berkenaan sesuatu isu syariah akan mengandungi keputusan serta asas pertimbangan iaitu dalil-dalil yang menyokong keputusan yang dikemukakan (Bank Negara Malaysia 2010). Sebagai contoh, Majlis Penasihat Syariah pada mesyuarat pertama bertarikh 8 Julai 1997 telah memutuskan bahawa terbitan fasiliti perbankan yang berasaskan kontrak *bai' al-'inah* adalah dibenarkan. Sejar dengan keputusan yang dikemukakan, setiap landasan dalil yang menjurus kepada penetapan hukum tersebut adalah dilampirkan. Resolusi syariah yang dikemukakan memetik ayat 275 surah al-Baqarah dan pandangan sebahagian ahli fiqh daripada mazhab Shafi'i dan Hanafi. Malahan nilai akauntabiliti Majlis Penasihat Syariah sebagai pihak yang berautoriti juga dilihat melalui inisiatif yang diambil apabila satu garis panduan dikeluarkan bagi memastikan pelaksanaan *bai' al-'inah* dilakukan mengikut tatacara yang mematuhi kehendak syarak. Syarat-syarat yang telah digariskan bagi pelaksanaan kontrak *bai' al-'inah* ini dapat dilihat melalui keputusan-keputusan yang telah dibuat pada sidang mesyuarat Majlis Penasihat Syariah yang ke-16 bertarikh 11 November 2000 telah menggariskan syarat-syarat sah sebagai parameter pelaksanaan akad *bay' al-'inah*.

Ketelusan

Ketelusan membawa maksud keadaan atau sifat yg terus terang dan tiada hal yg tersembunyi atau disangsikan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2008). Berlawanan bagi sifat telus adalah menyembunyikan (*al-kitman*). Nilai wasatiyyah ini wajib diterapkan dalam proses dan prosedur pendedahan maklumat dalam laporan-laporan bagi aktiviti dan operasi perbankan Islam seperti laporan prestasi kewangan (Sekreter 2013). Sebagai contoh, maklumat lanjut, terperinci dan menyeluruh berkenaan status kontrak-kontrak dalam produk perbankan harus disertakan dalam laporan dengan jelas. Sebaliknya, apa jua unsur yang tidak sekata termasuk permasalahan yang wujud dalam amalan sesuatu produk perbankan Islam tidak wajar disembunyikan.

Ketelusan maklumat juga penting dalam operasi perbankan khususnya bagi memastikan para pelanggan perbankan Islam, mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat berkenaan produk perbankan yang ditawarkan kepada mereka. Selain itu, amalan ketelusan maklumat ini akan melicinkan operasi perbankan justeru secara tidak langsung menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat termasuk para pemegang saham dan pelanggan perbankan (Zeti Akhtar 2005). Ini adalah penting bagi pemegang akaun pelaburan yang berupaya mempengaruhi institusi kewangan Islam sekiranya mereka mempunyai maklumat yang cukup tentang strategi pelaburan dan hasil pelaburan, serta kadar pulangan yang diguna pakai. Sebagai contoh, dalam berurusan dengan para pelanggan, terdapat pegawai pemasaran institusi perbankan Islam yang tidak telus dalam

menjelaskan produk beserta kandungan akad yang berkaitan dengannya. Selain daripada itu, kegagalan pihak institusi perbankan Islam untuk memberikan pendidikan kepada para pelanggan berhubung isu sesetengah produk perbankan Islam dikatakan mahal kerana kadar keuntungan tetap tidak seperti kadar faedah konvensional yang berubah-ubah mengikut pasaran juga menggambarkan isu ketidaktelusan maklumat.

Selain itu, setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah akan diterbitkan sebagai resolusi syariah. Resolusi syariah ini boleh diakses secara terus melalui laman sesawang rasmi Bank Negara Malaysia. Sebagai contoh, Majlis Penasihat Syariah dirujuk berhubung dengan cadangan terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam (SHBN) berdasarkan konsep kontrak *bai' al-'inah*. Di bawah fasiliti ini, institusi perbankan Islam akan menjual asetnya kepada pelanggan secara tunai. Kemudian, institusi tersebut akan membeli semula aset tersebut secara kredit dengan harga belian yang lebih tinggi. Perbezaan antara harga jualan dengan harga belian merupakan jumlah keuntungan yang akan diperoleh oleh pelanggan. Penggunaan kontrak *bai' al-'inah* sebagai asas bagi produk perbankan Islam telah menimbulkan pelbagai polemik perbincangan dan pandangan berhubung status pematuhan kontrak ini terhadap hukum syarak. Kontrak *bai' al-'inah* adalah satu kontrak yang sangat kontroversi sehingga menyebabkan perjalanan institusi perbankan Islam di Malaysia dikritik kerana dianggap lebih mengutamakan keuntungan berbanding kepatuhan kepada syarak (Rizal 2009). Majlis Penasihat Syariah pada mesyuarat pertama bertarikh 8 Julai 1997 telah memutuskan bahawa terbitan fasiliti perbankan yang berasaskan kontrak *bai' al-'inah* adalah dibenarkan menurut syariah. Sejarah dengan keputusan yang dikemukakan, setiap landasan dalil yang menjurus kepada penetapan hukum tersebut adalah dilampirkan secara telus. Resolusi syariah tersebut telah mengemukakan dalil daripada al Quran serta pandangan mazhab yang muftakar (Bank Negara Malaysia 2010). Impak daripada keputusan Majlis Penasihat Syariah ini, kontrak *bai' al-'inah* buka sahaja diperakukan sebagai sah untuk diaplikasikan dalam mana-mana produk perbankan Islam, bahkan ianya telah memberi keyakinan kepada masyarakat untuk menggunakan fasiliti perbankan yang berkaitan dengan *bai' al-'inah*. Ketelusan Majlis Penasihat Syariah dalam mengeluarkan keputusan telah mengangkat keraguan yang timbul kepada kontrak ini. Produk-produk pembiayaan di bawah konsep *bai' al-'inah* ini dilaporkan telah mendapat sambutan yang tinggi daripada kalangan ahli masyarakat berbanding dengan pembiayaan berlandaskan konsep-konsep syariah yang lain seperti *bai' bithaman ajil*, *al-rahnu* dan sebagainya (Bank Rakyat 2002).

KESIMPULAN

Wasatiyyah adalah salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan yang ada pada agama Islam. Ini adalah nilai kesederhanaan tersebut diukur dengan parameter syarak; iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Daripada sudut sistem perbankan Islam berpaksikan kepada nilai sejagat, aspek pematuhan syariah bagi produk serta operasi perbankan dipastikan dengan pelaksanaan sistem tadbir urus yang berkesan. Dalam konteks amalan di Malaysia, Bank Negara telah meletakkan nilai keadilan, amanah, akauntabiliti dan ketelusan untuk diterapkan sebagai prinsip tadbir urus yang baik.

Perbincangan mengenai konsep wasatiyyah serta nilai-nilainya adalah amat penting terutama dalam konteks tadbir urus syariah dalam sistem perbankan Islam bagi membangunkan industri perbankan Islam yang berdaya maju, berdaya saing dan pada masa yang sama, tidak berkompromi dengan nilai dan prinsip sebagaimana tuntutan syarak. Hal ini menuntut penstrukturan operasi sistem perbankan Islam yang memenuhi aspirasi sebenar syarak. Oleh yang demikian, nilai-nilai wasatiyyah bertindak sebagai mekanisme pemeliharaan bagi membolehkan matlamat pelaksanaan tadbir urus syariah

bagi sistem perbankan Islam dicapai; iaitu pematuhan terhadap syariah secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basyir, Ahmad Azhar. 2000. *Negara dan Pemerintahan dalam Islam*. Jogjakarta: Penerbit UII.
- al-Munawwir, Ahmad Warson. 1997. *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*. Jogjakarta: Pustaka Progressif.
- Bank Negara Malaysia. 2010. Resolusi syariah dalam kewangan Islam Edisi Kedua. http://www.bnm.gov.my/files/press_release/2010/shariah_resolutions_2nd_edition.pdf [8 Mac 2016].
- Bank Negara Malaysia. 2012. Syariah advisory council of the Bank. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=7&pg=715&ac=802> [24 April 2012].
- Bank Negara Malaysia. 2016. Concept paper – Corporate governance. http://www.bnm.gov.my/guidelines/01_banking/04_prudential_stds/Concept%20Paper_CorporateGovernance.pdf [8 September 2016].
- Bank Negara Malaysia. 2009. *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009*: 52-57.
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. 2002. Laporan Tahunan Bank Rakyat. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.
- Chapra, Ahmed Habib. 2002. Corporate governance in Islamic financial institutions. Occasional paper No. 6. Jeddah: Islamic Research and Training Institute/Islamic Development Bank.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali. 2013. *Maqasid Syariah dan Produk Kewangan Patuh Syariah Dalam Sektor Pengurusan Dana Islam*. http://irep.iium.edu.my/35511/1/produk_patuh_syariah_dalam_sektor_pengurusan_dana_islam_%26_maqasid_syariah.pdf [15 Disember 2016]
- Hailani Muji Tahir. 1974. *Konsep Bank Islam: Perbandingan dan Pelaksanaan*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan, M. Haniff. 2003. *Muslim Moderat Warga Singapura (Moderate Muslim of Singapore)*. Singapura: Perdaus dan Lembaga Pentadbir Masjid al-Khair.
- Idris Zakaria. 2013. Titik temu antara falsafah dan kehidupan praktis. *International Journal of Islamic Thought* 3(Jun): 37-44.
- Islamic Financial Services Board. 2009. Guiding principles on syariah governance systems for institutions offering Islamic Financial services. <http://www.ifsb.org/standard/IFSB-10%20Syariah%20Governance.pdf> [27 Mei 2014].
- Praja, Juhaya S.. 1995. *Filsafat Hukum Islam*. Bandung: Pusat Penerbitan Universitas LPPM UNISBA.
- Madina, Maan Z. 1973. *Arabic English Dictionary of the Modern Literary Language*. New York: Pocket Books.
- Mahmood Abdel Ghany Mahmoud Ashour. 2013. *Ummatan Wasata*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.

- Mohamad Rizal Md Nor. 2009. *Bay' al-'Inah: Hukum dan Pelaksanaannya dalam Perbankan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. 1981. *al-Mu'jam al Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Antonio, Muhammad Syafie. 1999. *Bank Syariah bagi Banker dan Praktisi Keuangan*. Jakarta: Tazkia Institute.
- Iqbal, Munawar. 2002. *Islamic Banking and Finance: New Perspectives on Profit-Sharing and Risk*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing Limited.
- Mustafa Daud. 1991. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 1994. Falsafah pengurusan dalam Islam. Kertas kerja Seminar Pengurusan Abad ke-21 Peringkat Kebangsaan. Anjuran Universiti Utara Malaysia. Dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Universiti Utara Malaysia, 21-22 Ogos.
- Nurfarahin Mohd Nasir. 2011. *Isu-Isu Falsafah Barat menurut Islam*. Kuching: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2008. *Kamus Dewan Keempat*. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=perihal.&d=10> [17 Januari 2017].
- Sekreter. 2013. Importance of transparency in Islamic finance. *IBSU Journal of Business* 2(2): 47-50.
- Shihab, M. Quraish. 1996. *Wawasan al-Quran Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Titus, H.H. 1959. *Living Issues in Philosophy: Introductory Text Book*. New York: New York Pub.
- Zeti Akhtar Aziz. 2005. Peningkatan dan keberkesanan tadbir urus korporat dalam industri perkhidmatan kewangan Islam. Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Yang Kedua. Sheraton Doha, Qatar, 24 Mei.

Mengenai Penulis

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif merupakan pelajar ijazah kedoktoran undang-undang di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau berkaitan kedudukan dan peranan Majlis Penasihat Syariah dalam tadbir urus syariah bagi sistem perbankan Islam di Malaysia. Beliau boleh dihubungi di mohdizzatamsyar@gmail.com.

Ruzian Markom (PhD) merupakan Timbalan Dekan (Siswazah, Penyelidikan, Hubungan Antarabangsa dan Industri) di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah sistem kewangan Islam termasuk perbankan dan takaful. Beliau boleh dihubungi di ruzian@ukm.edu.my.